KETUA SETIAUSAHA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-88832533
Faks : 03-88895245

Rujukan Kami : KKM.100-1/6/2 JLD. 2 (9)
Tarikh : 1 November 2017

Pengarah-Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri
Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Pengarah Hospital Kuala Lumpur
Pengarah-Pengarah Institusi Kesihatan

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL.....12.....

PENURUNAN KUASA DAN TATACARA PENGENDALIAN SIASATAN KES KECUAIAN PERUBATAN MELIBATKAN PEMBAYARAN EX GRATIA / SAMAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan (JKWP), Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL) serta Pengarah Institusi Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan pengendalian siasatan kes kecuaian perubatan melibatkan pembayaran ex gratia/saman di KKM dapat dilaksanakan secara efisien dan komprehensif.

1.2. Surat Pekeliling ini juga bertujuan untuk memaklumkan penurunan kuasa kepada Pengarah Amalan Perubatan bagi menyelaras serta mengarahkan penubuhan suatu jawatankuasa berhubung pengendalian siasatan kes-kes kecuaian perubatan selepas pembayaran ganti rugi dibuat melalui ex gratia/saman.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Bahagian Amalan Perubatan (BAP) bertanggungjawab untuk menguruskan kes-kes kecuaian perubatan di semua fasiliti kesihatan KKM.

2.2. Terdapat dua kategori bayaran penyelesaian bagi kes kecuaian perubatan iaitu pembayaran melalui ex gratia (kes aduan) dan melalui perintah mahkamah (kes saman).

2.3. Bayaran penyelesaian bagi kes-kes kecuaian perubatan ini diuruskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Setelah pembayaran penyelesaian dibuat, pihak MOF akan mengesyorkan supaya siasatan terperinci dijalankan bagi mengenal pasti sekiranya terdapat kecuaian dalam melaksanakan tugas atau disebabkan oleh faktor-faktor lain.

3. TATACARA

3.1. Surat arahan penubuhan Jawatankuasa Siasatan Kes Kecuaian Perubatan melibatkan Pembayaran Ex Gratia/Saman di KKM (dirujuk sebagai "Jawatankuasa Siasatan") akan dikeluarkan oleh BAP setelah menerima makluman pembayaran daripada MOF.

3.2. Jawatankuasa Siasatan yang dilantik hendaklah terdiri daripada:

i. Pengerusi: Pengarah Kesihatan Negeri/WP/HKL/Institusi Kesihatan

Pengerusi silih ganti: Timbalan Pengarah (Pengurusan) atau Timbalan Pengarah (Perubatan)

ii. Ahli Jawatankuasa:

a. Timbalan Pengarah (Kesihatan Awam/Pergigian/ Perkhidmatan Farmasi) dari JKN/JKWP/HKL/Institusi Kesihatan.

b. Pengarah/Timbalan Pengarah (Klinikal)/Pegawai Kesihatan Daerah dari Hospital/Institusi/Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat.

c. Penasihat Perkhidmatan Klinikal Negeri/Ketua Jabatan/ Pakar Perunding daripada disiplin yang terlibat.

d. Pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya perlu).

3.3. Urusetia Jawatankuasa Siasatan terdiri daripada wakil Pejabat Timbalan Pengarah (Pengurusan) dari JKN/JKWP/HKL/Institusi Kesihatan.

3.4. Terma rujukan Jawatankuasa Siasatan adalah:

i. Mengenal pasti sekiranya terdapat kecuaian dalam melaksanakan tugas oleh anggota Kementerian atau disebabkan faktor-faktor lain

ii. Mengesyorkan tindakan tatatertib yang telah atau boleh diambil sekiranya perlu

iii. Mengenal pasti langkah penambahbaikan yang telah atau boleh diambil supaya insiden yang serupa tidak berulang

3.5. Jawatankuasa Siasatan perlu menyediakan laporan mengikut format Laporan Siasatan Kes Kecuaian Perubatan melibatkan Pembayaran Ex Gratia/Saman di Kementerian Kesihatan Malaysia (dirujuk sebagai "Laporan Siasatan") seperti di Lampiran I.

3.6. Laporan Siasatan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada BAP dalam tempoh 45 hari dari tarikh arahan penubuhan Jawatankuasa Siasatan.

3.7. Semua JKN/JKWP/HKL/Institusi adalah bertanggungjawab untuk memastikan siasatan ini dijalankan secara teliti dan telus serta Laporan Siasatan yang disediakan adalah lengkap.

3.8. Laporan Siasatan ini akan dimajukan oleh Bahagian Amalan Perubatan kepada Ketua Setiausaha (KSU) selaku Pegawai Pengawal sebelum dipanjangkan kepada MOF (sila rujuk Lampiran II - Carta Alir Pengendalian Siasatan Kes Kecuaian Perubatan Melibatkan Pembayaran Ex Gratia/Saman di KKM).

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

4.1. Tatacara ini terpakai bagi kes kecuaian perubatan melibatkan pembayaran ex gratia/saman untuk semua fasiliti kesihatan KKM.

4.2. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

5. PERTANYAAN

5.1. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Amalan Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Aras 7, Blok E1, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-8883 1191 / 1221
No. Faksimili : 03-8883 1225

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)
CawanganMedicoLegal/LaporanSiasatanMOF

s.k.:

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

LAMPIRAN I

Laporan Siasatan Kes Kecuaian Perubatan Melibatkan Pembayaran Ex Gratia / Saman di Kementerian Kesihatan Malaysia

No. Rujukan KKM :

Nama Pesakit :

No. K/P :

Fasiliti Kesihatan :

1. Maklumat Siasatan

1.1 Tarikh :

1.2 Tempat :

1.3 Pengerusi

Nama :
Jawatan :

1.4 Ahli Jawatankuasa

i. Nama :
Jawatan :
Tempat Bertugas :

ii. Nama :
Jawatan :
Tempat Bertugas :

iii. Nama :
Jawatan :
Tempat Bertugas :

iv. Nama :
Jawatan :
Tempat Bertugas :

2. Butiran Pembayaran Ex Gratia/Saman Kecuaian Perubatan

2.1 Tarikh Pembayaran :

2.2 Jumlah Bayaran :

3. Butiran Kes

3.1 Tarikh Insiden :

3.2 Tarikh Aduan / Writ Saman :

3.3 Laporan Polis :

3.4 Diagnosa Kes :

3.5 Ringkasan Kes :

4. Butiran Penjawat Awam dan Penyelia yang terlibat secara langsung dengan insiden (disediakan dalam lampiran berasingan sekiranya melibatkan lebih dari seorang pegawai)

4.1 Penjawat Awam yang terlibat

Nama :
No. K/P :
Jawatan/Gred :
(ketika insiden)

Taraf Jawatan* :

☐ Tetap
☐ Sementara
☐ Kontrak
☐ Berpencen
☐ Tidak Berpencen

* *tandakan √ pada maklumat yang berkenaan*

Tarikh Persaraan/ Tamat Perkhidmatan:

Tindakan Tatatertib Terdahulu (sekiranya ada):

4.2 Penyelia yang bertanggungjawab secara terus kepada Penjawat Awam yang terlibat:

Nama :
No. K/P :
Jawatan/Gred :
(ketika insiden)

Taraf Jawatan* :

☐ Tetap
☐ Sementara
☐ Kontrak
☐ Berpencen
☐ Tidak Berpencen

* *tandakan √ pada maklumat yang berkenaan*

Tarikh Persaraan/ Tamat Perkhidmatan:

Tindakan Tatatertib Terdahulu (sekiranya ada):

5. Faktor yang menyumbang kepada kecuaian/kelemahan (sertakan butiran terperinci dan rujukan bagi setiap faktor penyumbang yang dikenalpasti)

5.1 Prosedur Operasi Standard (SOP) / Garis panduan / Arahan Jabatan / Pekeliling / Peraturan/ Akta

5.2 Sistem

5.3 Kakitangan kesihatan

5.4 Infrastruktur/Peralatan

5.5 Lain-lain

6. Butiran langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil

7. Syor tindakan tatatertib / surcaj bagi setiap Penjawat Awam dan Penyelia yang terlibat sehingga berlaku kecuaian / kesalahan/ ketidakakuran dalam kes (disediakan dalam lampiran berasingan sekiranya melibatkan lebih dari seorang pegawai)

Nama Penjawat Awam :

Syor Tindakan

Tatatertib : ☐ Ya ☐ Tidak

Surcaj : ☐ Ya ☐ Tidak

Ulasan :

Nama Penyelia :

Syor Tindakan

Tatatertib : ☐ Ya ☐ Tidak

Surcaj : ☐ Ya ☐ Tidak

Ulasan :

8. Tandatangan Panel Jawatankuasa Siasatan:

Pengerusi

Nama:
Jawatan: .....

Ahli Jawatankuasa

i. Nama:
Jawatan: .....

ii. Nama:
Jawatan: .....

iii. Nama:
Jawatan: .....

iv. Nama:
Jawatan: .....

v. Nama:
Jawatan: .....

9. Syor tindakan tatatertib/surcaj dan ulasan Pegawai Pengawal

9.1 Syor tindakan

Tatatertib : ☐ Ya ☐ Tidak

Surcaj : ☐ Ya ☐ Tidak

9.2 Ulasan :

.....

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh:

LAMPIRAN II

TATACARA PENGENDALIAN KES KECUAIAN PERUBATAN MELIBATKAN PEMBAYARAN EX GRATIA/SAMAN DI KKM